

KEARIFAN TEMPATAN MASYARAKAT MELAYU DALAM TIUPAN TETUANG

(MALAY LOCAL KNOWLEDGE IN TETUANG BLOWING)

Muhamad Shafiq Mohd Ali & Roslan Abd. Salam

Abstrak

Tetuang merupakan alat yang mengeluarkan bunyi dan diperbuat daripada tanduk kerbau. Kebiasaan mereka menggunakan tetuang digunakan oleh golongan nelayan di pantai timur semenanjung sebelum dan selepas mereka keluar ke laut. Selain itu, terdapat juga beberapa fungsi lain tetuang yang tidak diketahui oleh masyarakat masa kini disebabkan arus pemodenan dan penggunaan tetuang yang terbatas. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan tentang penggunaan tetuang dan tujuan tetuang ditiup oleh masyarakat lalu berdasarkan sumber lisan dan juga penulisan oleh beberapa aktivis kebudayaan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa banyak penggunaan tetuang yang masih tidak diketahui oleh masyarakat masa kini selain digunakan oleh golongan nelayan. Penggunaan tetuang dalam kehidupan masyarakat Melayu lampau menunjukkan kearifan tempatan masyarakat Melayu dengan menggunakan sumber yang berada di sekeliling mereka untuk membuat sesuatu yang berguna dalam kehidupan sehari-hari mereka

Kata kunci: Tetuang, erofon, kearifan tempatan, alat perhubungan, pemakluman

Abstract

Tetuang is a device made of buffalo horn that emits sound. Tetuang is usually used by fishermen on the east coast of Peninsular Malaysia before and after they go out to sea. Apart from that, there are also some other functions of the tetuang which are unknown by today's society due to modernization, where the utilization of tetuang is limited. Therefore, this paper will discuss the use of tetuang and the purpose of blowing it in a community in the past based on oral sources as well as writings by several cultural activists. The analysis and findings shows that the various function of the tetuang is still unknown to the community today other than being used by fishermen. However, the utilization of the tetuang in the past by local Malay community portrays the locals discernment to use resources around them to produce useful items in their daily lives.

Keywords: Tetuang, aerophone, local genius, communication tool, notification

PENGENALAN

Tetuang, tuang-tuang atau bergoh merupakan alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada tanduk kerbau atau haiwan lain yang sesuai dan ditiup untuk memberi bunyi atau isyarat dengan bahagian hujungnya akan dipotong supaya boleh ditiup. Menurut Kamus Dewan (2007), tetuang adalah sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada buluh atau tanduk yang ditiup untuk memberi isyarat.

Tetuang termasuk dalam kumpulan muzik erofon (Suhaimi 2018) iaitu alat bunyian yang menggunakan angin dengan sumber bunyinya adalah melalui hasil tiupan ataupun hembusan angin. Bunyi dan gema akan dikeluarkan oleh tetuang melalui getaran udara yang dihasilkan daripada tiupan dan hembusan angin (Roselan 2019 & Rosilawati 2020). Oleh kerana dalam bahagian serombong tetuang yang kosong, ia tidak mempunyai alat atau sesuatu yang dapat membantu peniup untuk mengeluarkan bunyi daripada tetuang berdasarkan kaedah tiupan tersebut (Norhaspida 2020). Tetuang bergantung sepenuhnya kepada getaran bibir peniup untuk menghasilkan bunyi dan tiupan serta bunyi yang dihasilkannya akan berpandukan pada saiz tanduk dan nafas peniupnya.



Gambar 1. Tetuang

Bandyopadhyaya (1980) dalam bukunya *Musical Instruments of India* menamakan tetuang ini sebagai *Srnga*. Beliau menyatakan bahawa *Srnga* diperbuat daripada tanduk rusa, kerbau dan juga lembu. Ianya selalu digunakan dalam perperangan dan juga dalam menyambut perayaan besar yang tertentu. Bunyi yang dikeluarkan daripada tetuang mempunyai ciri yang nyaring dan tinggi (*sharp and high*). Di barat, tetuang atau *Srnga* ini boleh disamakan dengan *Bugle* bagi muzik moden pada masa kini. Pada kebiasaannya, jika tetuang atau *Srnga* ini dibunyikan, ia menandakan permulaan kepada perayaan ataupun ritual keagamaan bagi masyarakat di India.

Lain pula bagi masyarakat di alam Melayu. Bagi Lee Elaine (2007), beliau lebih menumpukan kajian dan penggunaan tetuang dalam alam Melayu. Beliau menyatakan bahawa tetuang biasanya digunakan oleh para nelayan Pantai Timur Semenanjung Malaysia untuk berinteraksi sesama mereka. Menurut beliau lagi, tetuang akan ditiup sewaktu baru mula hendak belayar ke laut (Lee Elaine 2007 & Norhaspida 2020). Tradisi ini juga masih diamalkan oleh pasukan tentera laut tetapi telah dibuat sedikit pengubahsuaian dengan mereka akan meniup *Bugle* sebelum kapal hendak mula belayar. Oleh kerana zaman telah berubah, penggunaan tetuang sebelum para nelayan memulakan pelayaran mereka mencari rezeki sudah semakin ditinggalkan. Lee menambah, pada masa kini, tetuang hanya digunakan sebagai alat muzik tiupan untuk menghasilkan melodi ‘drone’ dalam persembahan drama tradisional dan juga kontemporari. Namun begitu, terdapat beberapa individu dan juga kumpulan yang cuba menaikkan semula fungsi tetuang dengan meniupnya sewaktu majlis perkahwinan, perarakhan, pengumuman dan juga keadaan yang tertentu.

Secara khususnya tiada penulisan daripada manuskrip lama berkenaan penggunaan tetuang, tetapi boleh dilihat dalam beberapa hikayat atau manuskrip yang mempunyai adegan perperangan berkenaan penggunaan alat tiupan yang digunakan sama ada untuk memulakan perperangan atau menggetarkan musuh. Terdapat banyak peralatan yang digunakan bagi menaikkan semangat tentera untuk berjuang termasuklah peralatan yang menggunakan kaedah ditiup seperti tetuang. Tetuang akan ditiup sebagai tanda bagi memulakan perperangan atau persediaan untuk berperang. Selain itu, alat tiupan seperti tetuang juga digunakan untuk pemberitahuan atau permulaan upacara yang gilang

gemilang dalam sesebuah kerajaan dan juga acara yang dibuat di istana. Kebiasaannya alat tiupan seperti tetuang akan ditiup menandakan majlis akan bermula dan persediaan kepada rakyat jelata.

Perkembangan alat muzik jenis tiupan menunjukkan perkembangan dalam inovasi dan pemikiran masyarakat lampau yang dinamakan kearifan tempatan. Perkembangan alat muzik jenis tiupan boleh dijejaki daripada zaman prasejarah lagi iaitu sewaktu zaman yang masih tidak mempunyai tulisan. Jika diteliti perkembangan alat muzik jenis tiupan, ianya bermula dengan wisel daun yang digunakan sebagai pemikat haiwan sewaktu berburu kemudian barulah seruling diciptakan. Sejarah terawal alatan muzik yang dicipta oleh manusia mendedahkan bahawa seruling merupakan alat yang menjadi sebuah harta berharga dan biasa dijumpai di tapak-tapak hunian masyarakat prasejarah di dunia. Istilah seruling dalam penggunaan masyarakat prasejarah termasuklah semua paip atau alatan tiupan yang mengeluarkan bunyi daripada getaran udara yang diperbuat daripada batuan, tanah liat, tulang haiwan, kayu dan juga buluh.

Tidak boleh diragukan lagi fakta bahawa seruling atau alat tiupan merupakan alatan terawal yang difikirkan dan dicipta oleh manusia kerana ia boleh dijumpai pada setiap kaum di seluruh dunia. Ini merupakan kearifan tempatan yang terdapat pada setiap kaum kerana walau apa pun kaum, termasuklah masyarakat yang mengamalkan cara hidup moden atau tidak, turut mempunyai alatan muzik jenis tiupan ini. Jika dilihat pada pameran di galeri beberapa buah muzium, terdapat beberapa jenis alatan tulang yang dijumpai sejak zaman prasejarah seperti tulang haiwan dipercayai digunakan oleh masyarakat prasejarah sebagai alatan tiupan untuk mengeluarkan bunyi tertentu bagi kegunaan tertentu. Kaedah tiupan, fungsi dan cara penggunaan alatan ini masih dalam kajian kerana sudah tidak banyak lagi masyarakat yang mewarisi penggunaan alat tiupan ini. Selain itu, generasi muda sesuatu kaum telah mula meninggalkan warisan tradisi mereka.

Terdapat dua jenis atau kaedah untuk membunyikan alatan tiupan. Kaedah pertama adalah meniup di lubang yang terdapat berhampiran bahagian tertutup yang serupa dengan seruling masa kini. Kaedah kedua pula adalah dengan alat ditiup pada bahagian terbuka di hujung alat. Walaupun terdapat banyak perbezaan kecil dari segi bentuk dan saiz serta ragam hiasnya antara satu alat tiupan dengan yang lain, ia dicipta berlandaskan kepada prinsip-prinsip akustik yang sama. Ini boleh dilihat seperti penggunaan bahan asas dan tebukan dalamannya berbentuk seperti ‘kon’ dengan ditebuk secara selari (*parallel-bone*) dengan bentuk pada luarannya (Nik Mustapha 2014). Tiupan yang menghasilkan bunyi ini dapat dibezakan dengan nada bunyi yang berlainan oleh masyarakat lalu. Hanya masyarakat tersebut yang memahami fungsi dan maksud nada yang dimainkan oleh peniup tetuang.

TUJUAN TIUPAN TETUANG

Pada asalnya, alat yang mengeluarkan bunyi hanyalah digunakan sebagai alat hiburan oleh sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian tiada sebarang peranan atau tujuan khusus bagi setiap peralatan yang mengeluarkan bunyi. Namun, perkembangan masyarakat nomadik kepada sebuah masyarakat yang berstrata menyebabkan pemikiran manusia semakin berkembang. Seiring dengan perkembangan pemikiran manusia, setiap peralatan dalam kehidupan dan juga yang berada di sekeliling mereka akan dijadikan fungsi tertentu sama ada hanya digunakan sebagai peralatan harian ataupun sebagai peralatan yang digunakan dalam sesebuah upacara rasmi atau tujuan tertentu. Termasuk juga dengan tetuang. Mungkin pembuatan pertama tetuang adalah berdasarkan permerhatian masyarakat yang tajam pada alat yang mengeluarkan bunyi yang lain. Sama ada ianya berasal daripada masyarakatnya tersendiri atau pun melihatnya digunakan oleh masyarakat lain yang boleh dijumpai sewaktu urusan perdagangan.

Tetuang bagi Lee Elaine (2007), biasanya digunakan oleh para nelayan Pantai Timur Semenanjung Malaysia untuk berinteraksi sesama mereka. Menurut beliau lagi, tetuang akan ditiup sewaktu baru mula hendak belayar ke laut. Shuhaimi (2018) dan Norhaspida (2020) juga sepakat dengan Lee Elaine apabila menyatakan tetuang digunakan sebagai alat perhubungan yang digunakan oleh para nelayan di pantai Timur Semenanjung. Tetuang digunakan oleh para nelayan sebelum mereka keluar ke laut. Di samping itu, tetuang juga telah digunakan sebagai alat pemberitahuan kepada

masyarakat sekitar jika terdapatnya sebarang kejadian kecemasan (Shuhaimi 2018). Shuhaimi (2018) turut menambah kegunaan tetuang dalam majlis-majlis perarakan dan keramaian untuk menghasilkan dengungan. Dengungan ini akan menarik minat para hadirin untuk menumpukan sebentar perhatian mereka pada perkara utama majlis.

Setelah kehidupan masyarakat yang semakin teratur, barulah tetuang ini digunakan oleh masyarakat Melayu bagi tujuan tertentu. Sudah pastilah tujuannya adalah untuk mengeluarkan bunyi ini bagi menarik perhatian ahli masyarakat yang lain sama ada untuk memanggil atau terdapatnya sebarang pemberitahuan (Rosilawati 2020; Roselan 2019; Roslan 2017). Namun, tetuang telah digunakan oleh masyarakat Melayu dalam upacara keagamaan seperti majlis berkhatan, perkahwinan dan juga pemberitahuan kematian. Penggunaan tetuang dalam majlis ini adalah secara utamanya untuk memanggil orang dan juga sebagai tanda pemberitahuan. Pada waktu majlis berkhatan dan juga kematian, tetuang digunakan untuk pemberitahuan kepada masyarakat setempat berkenaan berita tersebut supaya masyarakat setempat bersedia untuk melaksanakan tugas yang tertentu secara bergotong-royong.

Bagi majlis perkahwinan pula tetuang akan ditiupkan sewaktu perarakan masuk pengantin ke kawasan majlis. Apabila tetuang ditiup sewaktu perarakan masuk pengantin, para tetamu akan mula memberi perhatian dan tetamu juga akan memberi laluan kepada pasangan pengantin untuk masuk ke kawasan majlis. Selain itu, tetuang juga boleh ditiup atau dimainkan bagi acara-acara hiburan dan juga persembahan terutamanya hiburan atau persembahan yang berasaskan budaya Melayu amnya. Sebagai contoh, tetuang akan ditiup sebelum acara tar menari dimulakan bagi sesebuah acara.

Apabila adanya kematian ahli dalam sesebuah masyarakat, tetuang akan ditiup untuk memberitahu kepada masyarakat sekitar berkenaan berita tersebut. Oleh yang demikian, setiap ahli masyarakat akan bersedia dengan tugas-tugas yang biasa dilakukan sewaktu adanya kematian dalam ahli masyarakat seperti memandi, mengkafankan, mengusung, menyembahyangkan dan juga menanam jenazah di samping pasukan yang ditugaskan untuk mengorek lubang kubur. Selain daripada memanggil ahli masyarakat untuk urusan jenazah yang terutamanya pihak lelaki, kaum perempuan juga bersedia di masjid untuk menyediakan juadah apabila selesainya bacaan Yasin dan tahlil untuk ahli masyarakat yang meninggal tersebut jika majlis bacaan Yasin dan tahlil dilakukan di masjid pada waktu malam sama ada selepas maghrib atau isyak.

Selain itu, tetuang juga digunakan sebagai semboyan dalam tradisi perang. Sebelum perang dimulakan, tetuang akan ditiup bagi memberikan tanda bahawa sesebuah pasukan itu sudah bersedia untuk menyerang. Setiap tiupan tetuang yang digunakan sebagai semboyan peperangan, mempunyai tanda-tanda tertentu yang hanya dikenali oleh pasukannya sendiri. Oleh yang demikian, tanda-tanda bunyi dalam tetuang sewaktu peperangan menunjukkan arahan-arahan yang tidak dapat disampaikan kepada tentera jika hanya menggunakan suara.

Selain daripada ditiup untuk pemberitahuan tentang kematian, upacara perkahwinan dan semboyan peperangan, tetuang juga digunakan dalam sesebuah majlis rasmi seperti yang boleh disaksikan dalam filem Melayu klasik termasuk filem arahan Tan Sri P. Ramlee seperti *Nujum Pak Belalang* dan *Pancha Delima*. Penggunaan tetuang pada majlis tertentu yang melibatkan istiadat diraja, tetamu kehormat dan majlis keraian menunjukkan alat tiupan tradisi ini masih menampakkan kehebatannya seperti yang telah digunakan oleh masyarakat lampau. Selain daripada majlis keraian yang melibatkan orang kenamaan, tetuang juga telah digunakan dalam majlis rasmi Seni Silat Gayong Malaysia. Majlis rasmi pertubuhan silat ini dengan menggunakan tetuang dapat dilihat pada upacara pemberitahuan permulaan majlis penamat dalam Seni Silat Gayong Malaysia. Sebelum kumpulan gendang silat memainkan irama untuk memulakan majlis, tetuang akan ditiup untuk menarik perhatian dan juga pemberitahuan kepada yang hadir bahawa majlis akan dimulakan (Farrer 2009). Selain Seni Silat Gayong Malaysia, tetuang juga turut ditiup sewaktu upacara pembukaan majlis konvokesyen silat cekak pada 1999 (Norhaspida 2020).

Jika dilihat kepada tujuan tiupan tetuang di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tetuang digunakan oleh masyarakat dahulu sebagai alat berkomunikasi dengan memberi isyarat tertentu kepada masyarakat sekitar. Selain daripada itu, tetuang juga boleh dan pernah digunakan untuk menghalau haiwan liar atau perosak tanaman seperti babi bagi mereka yang tinggal di kawasan daratan (Norhaspida 2020). Bunyi daripada tetuang dapat memberikan ketakutan kepada haiwan perosak tanaman ini. Mungkin frekuensi bunyi yang dikeluarkan oleh serombong tetuang dapat memberi mesej tertentu kepada haiwan ini dan menyebabkan ia ketakutan. Ujian bunyi di makmal boleh dilakukan untuk mengesahkan lagi pernyataan di atas supaya pembuktian secara saintifik dapat dilakukan.

Terdapat beberapa jenis bunyian dalam tiupan tetuang. Setiap jenis bunyian bergantung kepada masa tetuang tersebut ditiup. Kebiasaannya dalam alam Melayu, terdapat empat jenis bunyian bagi meniup tetuang iaitu bunyi pendek, sederhana, panjang dan juga lebih panjang. Seperti yang telah dinyatakan, jenis bunyian tetuang bergantung kepada masa tiupan tetuang tersebut. Bagi bunyi tiupan tetuang yang pendek, ia hanya mengambil masa sekadar satu ke dua saat sahaja masa tiupan. Bagi bunyi sederhana, tetuang akan ditiup selama tiga hingga lima saat sahaja. Bagi bunyi panjang pula, tetuang akan ditiup selama enam hingga 15 saat dan bunyi yang lebih panjang pula, tetuang akan ditiup selama 16 hingga 30 saat. Bunyian tetuang mengikut kadar masa ini bergantung kepada tetapan yang telah dilakukan oleh pasukan peniup tetuang.

Bunyian tetuang juga boleh bergantung kepada tujuan tetuang itu ditiup. Seperti yang telah dinyatakan, bunyian tiupan tetuang mengikut kadar bergantung kepada tetapan yang telah ditetapkan dalam sesbuah kumpulan peniup. Boleh sahaja bunyian tiupan tetuang mempunyai nada atau jenis masa yang berlainan pada tujuan yang sama. Setakat ini masih belum ditemui kadar yang tetap digunakan oleh peniup tetuang bersandarkan hikayat atau manuskrip Melayu.

MENJAGA TETUANG

Penjagaan alat tiupan tetuang ini sangat mudah kerana ianya perlu dijaga seperti alatan muzik yang lain. Cuma sedikit perhatian perlu diberikan kerana tetuang dibuat daripada bahan organik iaitu tanduk kerbau. Penjagaan tetuang dalam pengamalan masyarakat Melayu juga tidaklah begitu rumit dan penuh dengan adat istiadat. Perhatian yang perlu diberi adalah untuk menjamin kebolehgunaan tetuang pada waktu yang diperlukan. Selain itu, kaedah pembuatan yang rumit dan sukar mendapatkan bahan mentah adalah antara sebab perlunya penjagaan tetuang yang rapi. Antara cara penjagaan tetuang yang baik adalah tetuang perlulah diletakkan di tempat yang sesuai dan selamat seperti tempat yang tinggi supaya tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak dan tidak mudah dilangkah. Ketinggian yang bagus untuk menyimpan tetuang adalah tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah bergantung pada ketinggian pengguna agar mudah untuk pengguna mencapainya sewaktu memerlukan.

Tetuang juga perlu disimpan dalam kawasan yang terbuka dengan ruang udara yang mencukupi untuk mengelakkan pertumbuhan kulapuk. Tetuang mudah untuk ditumbuhki kulapuk disebabkan tiupan daripada peniup akan membasahkan permukaan dalam tetuang di samping pencucian membuang sisanya organik dalam tetuang yang tidak sempurna dan tidak cukup kering. Selain keadaan dalaman tetuang, bahagian fizikal tetuang juga perlu dipelihara. Tetuang tidak boleh ditindih dengan sebarang peralatan terutamanya peralatan yang berat dan keras kerana boleh menyebabkan serombong tetuang pecah dan tidak dapat digunakan lagi. Selain terhimpit dengan sesuatu yang berat dan keras, tetuang juga boleh pecah akibat jatuh sama ada dilambung atau dibaling. Jika serombong tetuang telah pecah, dikhuatiri tetuang tidak akan mengeluarkan bunyi ketika ditiup atau bunyi yang dikeluarkan tidak semerdu seperti keadaan sedia ada.

Selain itu, tetuang juga perlu dijaga kebersihannya supaya tidak ditumbuhki kulapuk ataupun sebarang kuman. Tetuang perlu dicuci pada bahagian dalamnya dengan bahan pencuci yang sesuai dengan bahan tetuang dan air bersih selepas menggunakanannya. Cucian secara berkala penting supaya kuman tidak tersebar dan merebak semula kepada peniupnya terutama pada bahagian mulut peniup. Setelah dicuci dengan bahan pencuci dan air bersih, tetuang hendaklah dikeringkan terlebih dahulu sebelum digunakan seterusnya. Keadaan dalaman tetuang yang basah boleh menyebabkan kuman

mudah membiak dalam kawasan serombong tetuang. Tetuang juga seeloknya dibersihkan dahulu sebelum digunakan oleh orang lain untuk memastikan tidak ada sebarang sebaran penyakit berlaku kepada peniup tetuang.

KAEDAH MENIUP TETUANG

Mohd Azwarin Ahmed, seorang aktivis kebudayaan dan kesenian apabila ditemu ramah oleh Norhaspida (2020) menyatakan bahawa bunyi tetuang akan ditiupkan sebanyak tiga kali iaitu tiupan kali pertama menggambarkan panggilan untuk menunaikan solat Subuh, tiupan kedua untuk nelayan berkumpul dan tiupan ketiga menandakan kumpulan nelayan telah turun ke laut. Kaedah tiupan ini biasanya digunakan oleh golongan nelayan di pantai timur semenanjung untuk memberitahu kepada masyarakat sekitar tentang pemergian mereka ke laut. Pasti dengan tiupan tetuang, masyarakat sekitar dapat berkumpul di tepi pantai sama ada untuk melihat pelayaran nelayan atau menghantar ahli keluarga untuk belayar. Sewaktu mereka pulang daripada belayar di lautan, tetuang akan ditiup oleh para nelayan untuk memberitahu kepada masyarakat sekitar tentang kepulangan mereka dengan selamat. Tetuang yang ditiup oleh nelayan mempunyai bunyi yang berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, para isteri nelayan sangat mengenali bunyi tetuang milik suami mereka dan jika bunyi tetuang milik suami mereka didengari, para isteri akan segera ke pantai untuk menyambut kepulangan suami. Uniknya bunyi tetuang ini akan didengari oleh para isteri dan mereka akan tahu suami mereka telah pulang berdasarkan perbezaan pada bunyi tiupan tetuang.

Selain daripada kaedah tiupan oleh nelayan seperti yang dinyatakan di atas, terdapat juga beberapa isyarat bunyi tetuang seperti yang dinyatakan dalam Roslan (2017). Terdapat empat isyarat bunyi tiupan tetuang iaitu tiupan pendek sekali bagi memberi isyarat kepada peniup tetuang lain supaya bersedia memulakan tiupan. Tiupan pendek sebanyak dua kali pula diisyaratkan untuk kumpulan peniup memberhentikan tiupan tetuang. Kebiasaannya, tiupan pendek bagi memberi isyarat sama ada untuk memulakan atau memberhentikan tiupan akan dilakukan oleh ketua kumpulan peniup tetuang jika kumpulan ini berada dalam situasi upacara rasmi atau dalam peperangan. Tiupan pendek ini untuk mengambil perhatian kepada kumpulan supaya bersedia untuk menuip tetuang masing-masing.

Bagi isyarat pengumuman berita kepada masyarakat sekitar, tetuang akan ditiup dengan sederhana panjang sebanyak tiga kali. Isyarat sebanyak tiga kali dengan bunyi yang sederhana panjang akan menyebabkan masyarakat sekitar yang sudah biasa akan memberhentikan segala tugas harian untuk menumpukan perhatian kepada pengumuman yang bakal diberikan. Tetuang akan ditiup atau dibunyikan dengan lebih panjang sebagai isyarat sesebuah sambutan seperti perarakan pengantin, dan juga dalam persempahan yang memerlukan tetuang ditiup. Tiupan yang lebih panjang menyebabkan hadirin sekitar majlis akan tertumpu kepada sambutan yang ingin dilakukan sama ada sambutan pengantin atau orang kenamaan supaya hadirin dapat memberi laluan kepada mereka menuju kepada tempat duduk mereka seperti, jika pengantin akan menuju ke pelamin manakala kenamaan akan menuju kepada tempat yang telah disediakan oleh pengajur.

Selain daripada isyarat bunyi seperti yang dinyatakan di atas, peniup tetuang juga mempunyai isyarat jari dan tangan yang biasanya akan dilakukan oleh ketua kumpulan (Roslan 2017). Isyarat dengan menggunakan tangan dan jari dimulakan dengan mengangkat tangan kanan atau kiri dengan tinggi sehingga melepas paras kepala bagi memudahkan ahli kumpulan yang tidak berada berhampiran dengan ketua untuk melihat dan memahami penandaan isyarat oleh ketua kumpulan. Ketua kumpulan akan menunjukkan satu jari iaitu jari telunjuk ke atas dan tangan akan digerakkan ke hadapan dan belakang sebanyak dua kali bagi memberi isyarat kepada ahli kumpulan untuk memulakan tiupan. Bagi isyarat untuk memberhentikan tiupan, ketua kumpulan akan mengangkat dua jari iaitu jari telunjuk dan jari hantu ke atas kemudian akan diletakkan di bahu sebanyak dua kali.

Selain daripada isyarat untuk memulakan dan memberhentikan tiupan, terdapat juga isyarat yang digunakan oleh ketua kumpulan untuk menyatakan kepada ahli kumpulan tiupan untuk memberi isyarat mengumumkan sesuatu berita atau arahan kepada peniup supaya meneruskan tiupan tetuang. Roslan (2017) menyatakan bahawa bagi memberitahu kepada ahli peniup yang lain untuk meniup

tetuang bagi mengumumkan berita, ketua akan menunjukkan tiga jari ke atas iaitu jari telunjuk, jari hantu dan juga jari manis, kemudian tangan akan dijatuhkan daripada atas ke bawah sebanyak dua kali. Apabila ketua membuat isyarat tangan seperti ini, ahli kumpulan peniup yang lain akan faham dan mengikut seperti isyarat yang diberikan kepada mereka oleh ketua kumpulan. Bagi memberi isyarat kepada ahli kumpulan supaya melanjutkan atau meneruskan tiupan tetuang atas sebab-sebab tertentu, ketua akan mengangkat tangan berserta empat jari ke atas iaitu jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking, kemudian ketua akan memusingkan tangan di atas kepala seperti bulatan sebanyak dua kali pusingan. Apabila mendapat isyarat seperti itu, ahli kumpulan yang lain akan meneruskan tiupan sehinggalah ketua kumpulan memberikan isyarat untuk memberhentikan tiupan.

KELESTARIAN PENGGUNAAN TETUANG

Seperti yang diketahui, penggunaan tetuang pada masa kini semakin dipinggirkan sama seperti objek kebudayaan yang lain. Pemunggiran bahan warisan dan tradisi adalah disebabkan perkembangan teknologi yang lebih memudahkan untuk digunakan oleh masyarakat kini. Di samping perkembangan teknologi yang semakin cepat, sikap merendahkan bahan warisan dan tradisi juga semakin menular dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Ini menjurus kepada masyarakat yang merasakan dengan penggunaan bahan tradisi, menampakkan mereka itu sebuah masyarakat itu menuju kemunduran.

Oleh yang demikian, beberapa cara boleh dilakukan untuk membudayakan semula penggunaan tetuang dalam masyarakat kini. Satu gerakan sama ada daripada masyarakat atau badan kerajaan boleh membudayakan semula penggunaan tetuang dalam majlis-majlis rasmi. Selain itu, masyarakat tidak perlu malu atau segan untuk menggunakan tetuang dalam mana-mana majlis rasmi yang dianjurkan. Tambahan lagi, pihak berwajib seperti Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara boleh membuat kursus atau bengkel sama ada untuk meniup atau membuat tetuang. Selain itu Jabatan Warisan Negara dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara boleh menggerakkan usaha bagi memastikan setiap upacara rasmi kerajaan akan menggunakan tetuang sebagai sambutan.

Selain itu persempahan menggunakan tetuang perlu selalu dipersembahkan bagi menarik minat ramai orang untuk mengetahui dan seterusnya mempelajari kaedah membuat dan meniup tetuang. Apabila permainan tetuang semakin kurang dilihat, semakin ramai yang tidak mengenal dan mengetahuinya. Apabila semakin selalu dipersembahkan, semakin ramai yang mengenalinya. Daripada ramai yang mengenali peniupan tetuang ini, pasti ada antara mereka yang berminat untuk meniupnya dan kemungkinan besar daripada yang belajar meniupnya, pasti ada yang mahu dan minat mempelajari membuat tetuang. Oleh yang demikian, perkembangan dan kelestarian tetuang bergantung kepada pendedahan masyarakat terhadap tetuang.

KESIMPULAN

Tetuang merupakan antara alat muzik tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat kini. Penggunaan tetuang perlu di perhebatkan semula agar tetuang tidak menjadi salah sebuah alat muzik yang pupus pada masa akan datang. Pihak berwajib, badan bukan kerajaan dan juga individu pencinta warisan boleh membangunkan cara bagi mengekalkan penggunaan tetuang dalam masyarakat kini. Penggunaan tetuang yang lebih meluas pasti dapat menyebar luaskan lagi minat orang muda terhadap tetuang. Ini bagi menjamin kelestarian penggunaan tetuang sebagai salah satu objek budaya tradisi orang Melayu pada zaman yang serba berteknologi tinggi ini.

RUJUKAN

- Bandyopadhyaya, S. 1980. *Musical Instruments of India*. Delhi: Chaukhamba Orientalia.
 Farrer, Douglas S. 2009. 5: The Guru Silat. Dlm. Farrer, Douglas S. *Shadows of the Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism*, hlm. 196. Singapore: Springer.
Kamus Dewan. 2007. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
 Lee Elaine. 2007. *Ethnic Musical Instrument of Malaysia*. Selangor: Win Publication Sdn. Bhd.

- Nik Mustapha Nik Mohd Salleh. 2014. *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Nusantara*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Norhaspida Yatim. 2020. Hidupkan kembali alat komunikasi Melayu klasik. *Sinar Harian*, 9 Julai.
- Roselan Ab Malek. 2019. Tetuang, warisan Melayu yang semakin pupus. *Berita Harian Online*, 12 Disember.
- Rosilawati Rosedi. 2020. Tetuang, trompet warisan Melayu hasilkan tiupan klasik. *Sinar Harian*, 14 Januari.
- Roslan Abdul Salam. 2017. Tetuang. Nota kuliah pengajaran tetuang. Tidak diterbitkan.
- Suhaimi Osman. 2018. Trivia: Kumpulan muzik erofon. *Berita JMM*, Mei-Ogos.

Muhamad Shafiq Mohd Ali
Pegawai Sains
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor.
E-mel: muhdshafiq@ukm.edu.my

Roslan Abd. Salam
Pegawai Kebudayaan
Pusat Kebudayaan Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor.
E-mel: roslanas@ukm.edu.my

Diserahkan: 2 Mac 2021

Diterima: 28 Mei 2021

Diterbitkan: 30 Jun 2021